

Chong maklum krisis PBRS kepada Mahathir

BH 31 JAN 2002

KOTA KINABALU, Rabu – Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat memberi taklimat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai krisis dalaman Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS).

Chong berkata, pertemuan dengan Dr Mahathir di Putrajaya petang ini adalah perjumpaan biasa yang ditetapkan lebih awal dan bukan khusus untuk membincangkan masalah dalam PBRS.

“Perjumpaan dengan PM tiada kaitan dengan masalah PBRS. Ia sebahagian daripada mesyuarat biasa dengan PM.

“Cuma kebetulan PBRS menghadapi krisis, saya mengambil peluang memberi taklimat mengenainya kepada PM,” katanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebelum berlepas ke Kuala Lumpur, tengah hari ini.

Beliau berkata demikian mengulas krisis kepimpinan PBRS berikutan perebutan jawatan Presiden membabitkan Tan Sri Joseph Kurup dan Datuk Dr Jeffrey Kitingan.

Chong yang juga Pengerusi BN negeri berkata, Kurup menghubunginya semalam untuk memberitahu apa yang berlaku pada kongres dan meminta dikecualikan daripada menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet pagi ini.

Kurup ialah Menteri Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat.

“Saya juga menerima memo Dr Jeffrey yang memaklumkan mengenai pelantikan baru (sebagai Presiden PBRS),” katanya.

Chong berkata, beliau tidak memberi sebarang nasihat kepada kedua-dua pemimpin berkenaan kerana berpendapat lebih baik mereka sendiri yang menyelesaikan masalah itu.

“Kita perlu menghormati PBRS dan tidak boleh se-wenang-wenang mencampuri hal berkaitan parti mereka. Bagaimanapun selaku Pengerusi BN negeri, saya sentiasa memantau situasi,” katanya.